

Semua negara mesti berkongsi amalan terbaik

BH - 4/11/2019 m/s: 3

Bangkok: Isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, berkata terdapat keperluan bagi semua negara berkongsi amalan terbaik mengenai pengurusan sisa melalui pelbagai platform untuk memastikan persekitaran mampan dan pertumbuhan ekonomi serantau.

Menghadiri sesi interaktif mengenai 'Perkongsi Amalan Terbaik Dalam Pengurusan Sisa' sempena program isteri-isteri ketua kerajaan dan negara Sidang Kemuncak ASEAN ke-35 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini semalam, beliau berkata Malaysia

komited untuk melaksanakan pengurusan sisa secara berkesan iaitu seiring Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030.

Dr Siti Hasmah berkata, dengan penduduk melebihi 32 juta, Malaysia menghasilkan kira-kira 38,000 tan metrik sisa setiap hari.

Beliau berkata, penjana sisa pepejal di Malaysia meningkat dengan ketara dalam tempoh 10 tahun yang lalu dengan hanya 28 peratus yang dikitar semula dan baki sisa itu, berakhir di tapak pelupusan sampah.

"Kami telah bermula awal. Kita perlu mendidik anak-anak kita, di rumah dan di sekolah. Kita juga harus mengingatkan diri kita agar kita juga melaksanakannya.

"Kita sendiri mempunyai tanggungjawab untuk mengamalkan apa yang kita katakan. Kita perlu bekerjasama rapat mengenai pengurusan sisa melalui pelbagai platform," katanya.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Thailand, Prof Madya Narporn Chan-o-cha dan isteri Menteri Luar Malaysia, Datin Norlin Shamsul Bahri.

Dr Siti Hasmah berkata, Ma-

laysia juga mengambil langkah tegas, dengan melancarkan Pelan Hala Tuju Sifar Penggunaan Plastik Pakai Buang 2018-2030 untuk menangani masalah pencemaran sisa plastik.

"Visi kami menjelang 2030, Malaysia akan bebas daripada penggunaan plastik pakai buang. Kempen ini membuktikan keseriusan dan komitmen kerajaan Malaysia dalam menangani isu alam sekitar ke arah negara yang berdaya tahan dan mampan," katanya.

Malaysia membelanjakan hampir RM1.6 bilion setahun untuk mengumpul sisa pepejal dan me-

lakukan pembersihan awam.

Dengan kos sisa pengurusan yang semakin tinggi, negara perlu mengkaji amalan semasa dan mengubah dengan sewajarnya agar lebih cekap dan produktif.

Dr Siti Hasmah kemudian menghadiri Pameran Komuniti ASEAN (Gaya ASEAN: Berkongsi Masa Depan) dan Pameran Satu Tambon, Satu Produk (OTOP).

Hari ini, Dr Siti Hasmah dan isteri-isteri ketua kerajaan dan negara lain, dijadual melawat Muzium Nasional Bangkok dan Istana Bangkunprom di sini.

BERNAMA